

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN PERAYAAN SE-ABAD PERKHIDMATAN VETERINAR  
DAN INDUSTRI HAIWAN

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 26 JUL 1994

MASA:

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya bersama tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana dijemput untuk melancarkan Perayaan Se-abad Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan dan seterusnya merasmikan International Animal Industry and Agriculture Expo (Intagro '94).

2. Saya difahamkan bahawa perkhidmatan veterinar Kerajaan di negara ini telah wujud semenjak tahun 1888. Pengalaman yang dilalui oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dalam tempoh se-abad lalu boleh dijadikan teladan dan pedoman.

3. Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang ada pada hari ini sangat jauh berbeza dari masa penubuhannya. Saya yakin jabatan ini akan terus melaksanakan dasar-dasar yang selari dengan perubahan dalam masyarakat, daripada segi perkembangan pengetahuan dan teknologi berkaitan dengan pertanian. Personaliti akan bertukar ganti, namun wawasan, harapan dan cita-cita Jabatan hendaklah diteruskan oleh generasi berikutnya.

4. Sains perubatan veterinar mula dipakai di negara kita ini hanya seratus tahun lalu. Dalam tempoh tersebutlah kita mula melihat perubahan sistem ternakan tradisional bertukar menjadi bidang usaha komersil. Nilai pengeluaran hasil ternakan pada tahun 1993, telah pun melebihi daripada tiga billion ringgit dan nilai eksportnya pula melebihi 500 juta ringgit.

5. Daging ayam yang menjadi makanan asas rakyat Malaysia sekarang tidak mungkin berjaya tanpa penerimaan teknologi baru. Dua faktor penting yang menjadi asas kemajuan industri ternakan ayam di negara ini ialah kawalan penyakit dan penggunaan baka bermutu. Pada zaman dahulu ternakan ayam kita sering dilanda oleh wabak sampar atau 'Newcastle Disease'. Vaksin untuk penyakit ini telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan pada tahun 1947. Dengan penggunaan vaksin yang meluas, usaha ternakan ayam telah dapat dijalankan dengan secara lebih intensif dan lebih cekap. Jika dahulu daging ayam menjadi makanan orang yang berada sahaja, hari ini ia dapat dinikmati oleh semua

lapisan rakyat.

6. Mungkin ramai orang yang tidak sedar bahawa penyakit 'Newcastle' ini mula sekali dikesan pada tahun 1926 di Jawa dan seterusnya menular ke negara ini dan ke seluruh dunia. Tetapi oleh kerana pada ketika itu masyarakat kita masih menggunakan khidmat bomoh dan pawang, maka penyakit ini terus merebak sehinggalah ia tercetus di Newcastle-upon-Tyne England di mana ia mendapat nama rasminya. Setelah dikaji dengan cara yang lebih saintifik di sana, barulah kaedah kawalannya ditemui.

7. Perkara kedua yang mempengaruhi ternakan ayam ialah penggunaan baka yang baik. Mungkin juga ramai yang tidak sedar bahawa baka ayam yang terdapat di dunia sekarang berasal daripada ayam hutan negara kita. Tetapi hasil daripada usaha membiak baka ayam oleh para ahli genetik, mereka telah menghasilkan baka ayam bermutu seperti yang ada sekarang ini.

8. Kalau sejarah penyakit 'Newcastle' ingin kita jadikan contoh, sewajarnya pada masa ia mula menular ke negara ini, kitalah yang patut menjadi pemberi nama dan pencipta vaksinnya. Kalau sejarah baka ayam pula dapat diubah kitalah sewajarnya menjadi pengeluar baka ayam yang terbaik di dunia pada hari ini.

9. Jadi untuk mencapai cita-cita menjadi sebuah negara maju, Malaysia perlu menjadi pengeluar dan pencipta teknologi. Kita tidak boleh terus menerus kekal sebagai pengguna teknologi orang lain sahaja. Saintis kita perlulah lebih agresif dalam penyelidikan mereka. Kita perlulah berani menerokai bidang-bidang baru dengan pendekatan yang lebih saintifik dan logik.

10. Andaian-andaian lama yang kita pakai selama ini perlu dirombak dan dilihat dari sudut yang lain pula. Tiada sempadan yang dapat menghalang pemikiran yang berani dan kreatif. Daya saing kita, daya tahan kita dan kedudukan kita di dunia sejagat terletak kepada kemampuan kita berfikir dengan lebih kreatif.

11. Mereka yang terlibat dalam pendidikan dan khususnya dalam bidang Perubatan Veterinar dan Sains Penternakan hendaklah mendahului perkembangan dan bukan sekadar menjadi pengikut kemajuan. Tenaga mahir yang kita latih bukan lagi untuk abad kedua puluh tetapi untuk persaingan dalam abad kedua puluh satu.

12. Kerajaan memang kagum dengan pertumbuhan yang dicapai oleh industri haiwan di negara ini. Pengeluaran daging ayam, telur dan khinzir telah mencukupi malahan berupaya untuk dieksport. Kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa khidmat bakti serta pengorbanan daripada tuan-tuan dan puan-puan.

13. Majlis Veterinar Malaysia mendaftarkan sejumlah 741

veterinarwan. Pengamal profesion ini dalam sektor awam atau swasta telah banyak berkorban dan menyumbang kepada pembangunan negara. Sejarah telah membuktikan bahawa ahli profesion ini merupakan satu kumpulan yang dinamik dan kreatif. Mungkin ramai yang tidak sedar kerana kreativiti seorang veterinarwan bernama J.B. Dunlop yang mencipta tayar getah, telah membawa manfaat yang besar kepada para pekebun getah di negara kita. Harapan kita ialah tradisi ini akan dikekalkan dalam persediaan negara untuk mencapai Wawasan 2020.

14. Penduduk negara kita akan bertambah ramai. Peranan penternak sebagai pembekal makanan asas akan menjadi lebih penting. Sebaliknya jumlah penternak akan berkurangan sepanjang masa. Masanya sudah lama tiba untuk kita menjadikan ternakan binatang selain daripada ayam dan khinzir, sebagai industri yang bercorak komersil. Ternakan secara sambilan dan kecilan sudah tidak sesuai lagi dan tidak akan dapat menjamin bekalan bagi rakyat yang kian bertambah.

15. Penternak yang mengamalkan cara lama pasti akan ketinggalan. Mereka tidak akan dapat bersaing dalam pasaran terbuka. Perjanjian GATT yang baru kita meterai akan membawa implikasi besar kepada penternak. Sempadan negara bukan lagi boleh dijadikan benteng untuk melindungi industri yang tidak efisien. Daya saing merupakan senjata yang paling sesuai dalam pasaran yang lebih terbuka. Ini juga bermakna penternak perlulah berani menerima teknologi baru dan membuat pelaburan yang lebih besar.

16. Bagi anggota Jabatan Perkhidmatan Haiwan, tuan-tuan dan puan-puan hendaklah ingat bahawa peranan tuan-tuan dan puan-puan akan terus berubah. Perkhidmatan yang berbentuk reaktif sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan. Abad kedua perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan pasti akan lebih mencabar lagi. Perubahan yang berlaku pada masa sekarang adalah jauh lebih pantas daripada yang dialami oleh generasi lalu. Tuan-tuan perlu menjadi lebih proaktif dengan menggunakan teknologi terkini.

17. Masyarakat mengharapkan agar jabatan ini memastikan bekalan makanan daripada hasil ternakan sentiasa mencukupi. Bekalan mungkin datang daripada pengeluaran tempatan atau pun diimport tetapi ia hendaklah dijamin sebagai bersih, suci dan selamat untuk dimakan.

18. Mengambil kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerajaan kepada anggota Jabatan Perkhidmatan Haiwan, agensi-agensi kerajaan berkaitan, para penternak, semua NGO yang bergerak aktif dalam sektor ini dan semua pihak yang terlibat dalam industri haiwan di atas khidmat bakti mereka kepada negara. Tanpa sumbangan tuan-tuan dan puan-puan sekalian kepada industri ini, masyarakat yang kita bina selama ini tidak akan dapat berfungsi dengan baik.

19. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Perayaan Se-abad Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan.